

Perspektif Literasi Media Aspek Analisis Dan Penilaian: Amalan Integriti Penyertaan Politik Golongan Muda Di Media Sosial

Mohd Sufiean Hassan, Siti Nurshahidah Sah Allam, Muhamad Hanapi Khamis, Mohd Hilmi Bakar, Dzaa Imma Abdul Latiff & Abdul Rauf Hj. Ridzuan

PERSPEKTIF LITERASI MEDIA ASPEK ANALISIS DAN PENILAIAN: AMALAN INTEGRITI PENYERTAAN POLITIK GOLONGAN MUDA DI MEDIA SOSIAL

Mohd Sufiean Hassan, Siti Nurshahidah Sah Allam, Muhamad Hanapi Khamis, Mohd Hilmi Bakar, Dzaa Imma Abdul Latiff & Abdul Rauf Hj. Ridzuan

sufiean@kuim.edu.my, shahidah321@uitm.edu.my, hanapi@uitm.edu.my, hilmbakar@uitm.edu.my, dzaa17@uitm.edu.my & abdulrauf706@uitm.edu.my

Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka & Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media,
UiTM Cawangan Melaka

ABSTRAK

Tahap rendah penyertaan politik golongan muda di Malaysia pernah dilaporkan sebagai satu fenomena yang menuntut kajian dan perbincangan umum. Mula PRU-13 penyertaan politik golongan muda dilaporkan mencetus gelombang tsunami kepada sfera politik negara. Inovasi media sosial dilaporkan pencetus kesedaran, kecenderungan dan minat menyertai politik golongan muda. Berbanding media konvensional seperti televisyen, radio dan suratkhabar, media sosial menawarkan aplikasi interaktif, agen pencarian maklumat pantas dan komunikasi efektif. Kemunculan laman rangkaian media sosial telah mewujudkan paradigma gelombang baru dalam masyarakat terutama golongan muda. Kesan pendedahan kandungan media kepada individu dan masyarakat membawa kepada perdebatan literasi media terutama aspek analisis dan penilaian. Idea utama literasi media ini adalah sebagai garis panduan kepada pengguna media terutama golongan muda menggunakan media dengan asas nilai integriti. Kemahiran aspek analisis dan penilaian menuntut pengguna agar mempunyai pemikiran kritis; amalan komposisi mesej dan kreativiti; keupayaan untuk menyertai politik secara berintegriti di media sosial. Apabila seseorang mempunyai kompetensi literasi digital dan media, mereka mengiktiraf hak peribadi orang lain, agenda korporat, budaya dan politik serta menggunakan hak bersuara mereka mengikut landasan nilai integriti. Selain itu, golongan muda yang bermoral mempuai tahap tinggi keupayaan menilai sumber dan kandungan politik yang berintegriti; tidak palsu, tiada unsur provokasi dan tular. Keupayaan dan pemahaman golongan muda memahami aspek analisis dan penilaian merupakan kemahiran literasi media penting kerana melalui media selain sebagai pengguna, golongan muda mampu bertindak sebagai *produser* kepada kandungan media di media sosial.

Kata Kunci : *Literasi Media, Analisis dan Penilaian, Nilai Integriti, Penyertaan Politik, Golongan Muda*

MEDIA LITERACY PERSPECTIVE ON ANALYSIS AND EVALUATION ASPECTS: PRACTICE THE INTEGRITY OF POLITICAL PARTICIPATION OF YOUNG PEOPLE IN SOCIAL MEDIA

Abstract

Lower level of political participation among young people in Malaysia has been reported as a phenomenon that demands academic explanation and public discourse. Begin with GE-13 political participation among young people is reported to have triggered a tsunami wave in the national political sphere. Social media innovations are reportedly triggering awareness, strengthening inclination and embarking interest in young people politics. Compared to conventional media such as television, radio and newspapers, social media offers interactive applications, fast information search agents and effective communication platform. The emergence of social media networking sites has created a new wave of paradigms in society, especially for young people. The impact of exposure to

media content has led to the debate on media literacy contribution especially from analysis and evaluation aspect. The main idea of the media literacy contribution is to guide the media users especially young people using media with a foundation of integrity value. The analytical and evaluation aspects skills require consumers to have critical thinking; the practice of message composition and creativity; the ability to participate politically in social media. When a person has digital and media literacy competency, they will value personal rights, corporate image, government policy and political agendas. High integrity young people exercise their right to speak on the root of integrity value. In addition, young people with high integrity value have high levels of ability to analyze political sources and content with integrity value such as content not fake, no element of provocation and contagiousness. The ability to understand aspects of analysis and evaluation are important media literacy skills besides being active social media consumers, young people effectively act as content producers in social media.

Keywords: *Media Literacy, analysis and evaluation, integrity value, political participation, young people*

PENGENALAN

Malaysia sebuah negara demokrasi telah melalui fasa di mana golongan muda dilaporkan mempunyai kecenderungan tahap rendah penyertaan politik (Pakeer Mohamed, *et al*, 2011) dan kajian terperinci dalam mengkaji faktor kecenderungan rendah ini membuka ruang penyelidikan akademik (Joko, Othman, & Damit, 2016) dan perbincangan umum (Sudin, 2017). Namun, gelombang penyertaan politik golongan muda secara mendadak mengubah sfera politik negara (Aminaton Hajariah & Samsu Adabi, 2016) dan tidak hanya terhenti di situ gelombang ini mencipta bencana Tsunami (Norhayati, 2008) apabila kerajaan yang unggul memerintah Malaysia, iaitu kerajaan BN hilang majoriti yang membawa kepada perubahan kerajaan pada Pilihanraya Umum ke 13 (Pandian, 2014). Senario ini dilaporkan impak penggunaan media sosial golongan muda dalam penyertaan politik (Mohd Faizal, Rosidayu, & Noor Adzrah, 2014).

Inovasi media sosial dilaporkan meningkatkan kesedaran, kecenderungan dan minat menyertai politik terutama di kalangan golongan muda (Tang & Lee, 2013). Berbanding media konvensional seperti televisyen, radio dan suratkhabar, media sosial menawarkan aplikasi interaktif, agen pencarian maklumat pantas dan komunikasi efektif (Dauda, Mohamad, & Muda, 2016). Kemunculan laman rangkaian media sosial telah mewujudkan paradigma gelombang baru dalam masyarakat terutama kepada golongan muda.

Menurut Coleman, Morrison & Svennevig (2008) media sosial merupakan platform yang memudahkan kerjasama dalam membentuk solidariti nasional dan membentuk kumpulan yang mempunyai ideologi yang sama. Pengguna dengan mudah memperolehi maklumat dari sumber yang luas dan tersebar tanpa sekatan geografi dalam platform sosial (Conroy, Feezell, & Guerrero, 2012). Media sosial yang popular seperti Facebook, Twitter, Flickr, LinkedIn, dan Instagram menawarkan platform interaktif (Ali & Mohd Safar, 2011) dan efektif untuk berkomunikasi, membentuk hubungan kemanusiaan sama ada di peringkat nasional dan global, perkongsian maklumat dan pengetahuan, pengedaran dokumen bagi membentuk pergerakan sosial secara meluas bagi memperkasakan penyertaan politik golongan muda (Al-kandari & Hasanen, 2012). Walau bagaimanapun, perkembangan ini mewujudkan kebimbangan yang semakin meningkat terhadap nilai integriti penyertaan politik golongan muda.

Impak frekuensi penggunaan media sosial yang tinggi dalam mengukuhkan kecenderungan politik golongan muda menjadi perbincangan (Alhabash, & Ma 2017; Chan 2013; Yoo, & Zuniga 2014) dan melaporkan penggunaan media sosial membawa kepada tahap rendah nilai integriti golongan muda. Tahap penggunaan media sosial yang tinggi ini mendorong kepada penglibatan aktiviti tidak berintegriti seperti menimbulkan provokasi (Kumar 2016), menyebarkan maklumat berunsur fitnah dan hasutan bagi menjatuhkan reputasi individu (Husnu, & Mamat 2016), menyebarkan berita palsu (Harper, & Conversation 2017) bertujuan untuk memberi tekanan kepada kerajaan melalui perhimpunan jalanan (Abu-Fadil, Torrent & Grizzle 2016) dan akhirnya membawa kepada perubahan drastik kepada sosio-politik negara (Sani 2014).

Oleh itu, kajian ini percaya bahawa nilai integriti melalui literasi media mampu mengekang salah laku dan memupuk moral di kalangan golongan muda (Pathak-shelat, 2014) di media sosial dalam aspek analisis dan penilaian. Walaupun kajian mengenai penyertaan politik golongan muda di media sosial meluas (Demetriou, 2013; Fenton, 2011; Mohamad, 2018; Omelicheva & Ahmed, 2017; Stockemer, 2012; Yang & DeHart, 2016), namun perspektif literasi media terutama dalam aspek analisis dan penilaian kurang diuji sedangkan keupayaan golongan muda menganalisis kandungan politik di media sosial adalah berpandukan keupayaan mengakses sumber politik, menganalisis kandungan sumber politik dan menilai kandungan politik di media sosial adalah penting dalam membentuk pengetahuan politik.

Kajian terhadap media literasi dari aspek analisis dan penilaian kurang mendapat perhatian pengkaji sains sosial atau sosio-politik berbanding kajian terhadap tahap pengetahuan politik, tahap penyertaan politik dan jenis penyertaan politik golongan muda. Kajian mengenai efikasi pengetahuan politik (Kaid, McKinney, & Tedesco, 2007; Tedesco, 2011) sebagai faktor penyertaan politik golongan muda hanya dinilai dari sudut tahap pengetahuan politik (Ashley & Maksl, 2017; Dimitrova, Shehata, Strömbäck, & Nord, 2014; Milner, 2007) berbanding kemahiran menganalisis dan menilai sumber politik yang digunakan oleh golongan muda di media sosial. Kebanyakkan kajian ini tidak menguji tahap kemahiran menganalisis dan menilai sumber politik kerana tahap pengetahuan politik hanya sebagai faktor kecenderungan politik (Holt, Shehata, Strömbäck, & Ljungberg, 2013) dan tidak menguji tahap nilai integriti (Bakker, 2007).

Di samping itu, kajian aspek analisis dan penilaian lebih kerap menjadi perhatian dalam bidang pendidikan (Cheung & Xu, 2016; Roy, 2016) yang menjurus kepada keberkesanan kemahiran analisis dan penilaian dalam sesi pengajaran serta pembelajaran kepada pelajar dan pengujian bersifat persampelan bertujuan (Arke & Primack, 2009; Literat, 2014; Young & Marcos, 2016) berbanding persampelan rawak yang kerap digunakan bagi mengkaji penyertaan politik golongan muda. Persampelan bertujuan lebih mudah dalam pengumpulan data dan mengurangkan kebarangkalian tahap rendah kesahan serta kebolehpercayaan data kajian (Hobbs, 2003).

Bagi kajian penyertaan politik golongan muda di media sosial pula kebanyakkan pengkaji terarah kepada jenis media sosial (Effing, Hillegersberg, & Huibers, 2011), frekuensi penggunaan media sosial (Valenzuela, 2013a) dan impak penggunaan media sosial yang menyumbang kepada kecenderungan tinggi penyertaan politik yang lebih agresif (Omelicheva & Ahmed, 2017; Valenzuela, 2013; Zhang & Lin, 2014) berberbanding penyertaan politik dengan nilai integriti.

Justeru itu, kajian ini membuka platform perbincangan terhadap literasi media terutama dalam aspek analisis dan penilaian dalam memupuk nilai integriti penyertaan politik golongan muda di media sosial. Hala tuju perbincangan ini turut membuka ruang pengetahuan tentang perspektif literasi media dan penyertaan politik golongan muda terutama di media sosial. Seterusnya, penulisan ini menjurus kepada perspektif literasi media dalam aspek analisis dan penilaian membentuk nilai integriti golongan muda di media sosial. Perbincangan ini secara langsung menyumbang kepada kefahaman kepentingan kemahiran literasi media dalam membentuk nilai integriti penyertaan politik golongan muda di media sosial dari aspek analisis dan penilaian.

PENYERTAAN POLITIK GOLONGAN MUDA DI MALAYSIA

Sejarah penyertaan politik golongan muda bermula sekitar tahun 1900-an yang dipelopori oleh bekas pelajar yang pulang dari Asia Barat memperjuangkan kebebasan, kemajuan serta kemerdekaan yang disebarluaskan melalui akhbar Al-Imam yang merupakan platform penyampaian maklumat yang berkesan pada waktu itu (Wan Hashim, 2017). Bermula dari sini lahir pula Kesatuan Melayu Muda (KMM) telah ditubuhkan pada Mei 1930 bagi tujuan memperjuangkan kemerdekaan negara di samping selain perjuangan anti-british .

Perkembangan politik negara terus berkembang sehingga wujud parti-parti politik. Bermula dengan Malayan Union (1 April 1946), UMNO (11 Mei 1946), MCA (27 Februari 1949), MIC (Ogos 1946). Kemudian pada tahun 1952 UMNO, MCA dan MIC bergabung dan membentuk parti Perikatan. Sehingga penubuhan parti-parti politik ini, golongan muda masih lagi menggunakan

medium media tradisional (akbar, jurnal dan majalah) untuk penyebaran maklumat dan meluaskan pemikiran golongan muda pada ketika itu.

Jika dilihat dari sejarah penyertaan politik golongan muda sememangnya aktif dan agresif dalam perjuangannya sehingga mampu menggugat kestabilan negara. Golongan yang memulakan gerakan-gerakan ini juga merupakan golongan terpelajar yang mempunyai pengetahuan dan pendidikan tinggi dari universiti-universiti dari dalam dan luar negara (Mohd Shuhaimi 1995). Sumbangan mereka semakin memuncak dengan inovasi media sosial yang membuka platform efektif bagi mereka melontarkan idea dan pendapat (Maamari & Zein, 2014).

Mahasiswa dilaporkan secara lantang melontar pendapat terhadap kecekapan tadbir urus kerajaan dan sekaligus mengubah situasi politik negara. Hal ini dibuktikan apabila impak golongan muda ketika Pilihanraya Umum ke-13 mencetuskan fenomena Tsunami Politik (Norhayati, 2008). Penyertaan politik golongan muda yang membawa gelombang perubahan menjentik kerajaan untuk mulai mendengar suara golongan muda ini.

Selain sumbangan golongan muda terhadap pentadbiran negara, kumpulan ini turut dilaporkan mampu menyumbang kepada integriti penyertaan politik. Menurut Mat Din et al. (2013), nilai integriti seperti mempunyai hubungan baik sesama manusia, mencegah diri dari kesalahan moral, mempunyai rasa hormat dan patuh kepada struktur sosial merupakan personaliti pemimpin politik tuntutan golongan muda. Hal ini secara langsung menyumbang kepada tahap kecenderungan penyertaan politik golongan muda (Hairol Anuar & Zakaria, 2016).

Kajian ini disokong oleh Picone, Wolf & Robijt (2016) melaporkan bahawa golongan muda dilaporkan secara efektif sebagai agen pengubah yang memperkasakan nilai integriti kepada golongan muda yang lain melalui fungsi agen sosialisasi. Hal ini merujuk kepada peranan golongan muda mampu mengawal tingkah laku tidak berintegriti di media sosial, sekaligus merangkap agen kempen sosial di kalangan netizen (Marwick, & Boyd 2011). Justeru itu, sumbangan golongan muda bukan sahaja kepada kemajuan dan pembangunan negara, malah ideologi golongan muda di kalangan mahasiswa dalam membentuk moral politik melalui integriti penyertaan politik terutama di media sosial.

PERSPEKTIF LITERASI MEDIA: ANALISIS DAN PENILAIAN MEMPENGARUHI AMALAN INTEGRITI PENYERTAAN POLITIK GOLONGAN MUDA DALAM MEDIA SOSIAL

Kesan pendedahan kandungan media kepada individu dan masyarakat membawa kepada pembinaan model literasi media. Idea utama sumbangan model ini sebagai garis panduan kepada pengguna media terutama golongan muda menggunakan media dengan asas nilai integriti. Menurut Hobbs (2010) kemahiran dari aspek analisis dan penilaian merujuk kepada pengguna mempunyai pemikiran kritis; amalan komposisi mesej dan kreativiti; keupayaan untuk melibatkan diri secara beretika. Apabila seseorang mempunyai kompetensi literasi digital dan media, mereka mengiktiraf hak peribadi orang lain, agenda korporat, budaya dan politik serta menggunakan hak bersuara mereka mengikut landasan nilai integriti (Aufderheide 1993; Hobbs 2010).

Aspek analisis dan penilaian dianggap kemahiran literasi media yang penting kerana melalui media selain sebagai pengguna, golongan muda mampu bertindak sebagai *produser* kepada kandungan media terutama di media sosial. Justeru itu, kebanyakkan pengkaji di lapangan psikologi, sosiologi, media liberal dan sosio-politik berpendapat bahawa matlamat utama literasi media adalah untuk mengukur penggunaan media dan keupayaan untuk menganalisis maklumat di media (Eristi & Erdem, 2017). Selepas mengakses kandungan media, satu set kompetensi iaitu analisis dan penilaian diperlukan. Kompetensi ini termasuk keupayaan menganalisis sumber maklumat dan menilai sumber maklumat daripada pelbagai sumber (Lewis, & Jhally 1998).

Analisis dan penilaian ini turut merujuk kepada keupayaan memahami maklumat dan berfikiran kritis (*Critical Thinking*) terhadap sumber maklumat serta keupayaan membandingkan maklumat daripada sumber berbeza. Di samping itu, aspek analisis dan penilaian ini mengukur keupayaan golongan muda mencari maklumat politik dan memastikan maklumat tersebut berintegriti yang bercirikan maklumat sahih, tepat dan mempunyai nilai etika serta bermoral (Hobbs 2010).

Aspek analisis dan penilaian menjadi lebih signifikan kepada golongan muda kerana adaptasi teknologi yang lebih pantas berbanding golongan dewasa dan minat mengeksplorasi aplikasi teknologi secara langsung meningkatkan akses kepada maklumat dan seterusnya mendorong kepada aspek analisis dan penilaian sumber (Lee 2005). Selain dorongan usia, tahap pendidikan golongan muda menjadi indikator terhadap keupayaan menganalisis dan menilai sumber maklumat bagi memperolehi informasi yang tepat serta sahih.

Idea ini disokong oleh Arsenijević, & Andevski (2016) yang menjalankan kajian literasi media ke atas komuniti akademik di Serbia mendapati bahawa tahap pendidikan melalui bidang pengajian memainkan peranan utama dalam aspek analisis dan penilaian maklumat, di mana bidang teknikal-teknologi lebih mempunyai tahap analisis dan penilaian maklumat yang tinggi berbanding sains sosial. Namun, bidang sosial turut menyumbang kepada aspek analisis dan penilaian, di mana kemahiran kognitif dan psikomotor yang diterapkan di dalam silibus secara langsung melahirkan pemikiran yang kritis (Persson 2013).

Di samping itu, adaptasi teknologi golongan muda turut signifikan terhadap aspek analisis dan penilaian kerana elemen media sosial yang menawarkan aplikasi interaksi yang interaktif (Hafez, 2016), capaian maklumat lebih mudah berbanding media tradisional (TV, Radio dan Suratkhabar) (Ali, Faridah, Mohd Yusof, Normah, & Maizatul Haizan, 2011), proses analisis dan penilaian lebih pantas kerana data serta maklumat lebih mudah diperolehi melalui fungsi Enjin Carian (*Search Engine*) dan hal ini secara langsung meningkatkan kecenderungan politik golongan muda.

Justifikasi ini turut disokong oleh Maamari dan Zein (2013) dalam kajiannya ke atas golongan muda di Lebanon mendapati apabila tahap tinggi adaptasi teknologi terutama media sosial, ianya meningkatkan kecenderungan politik golongan muda. Ini kerana media sosial menawarkan platform komunikasi baharu yang lebih strategik seperti memberikan interaksi menerima reaksi segera (Kumar, & Thapa 2014), penyebaran maklumat lebih luas dan pantas (Anom, Kee, & Zawawi, 2014; Plotkowiak, 2014), aliran maklumat terkini, mudah dan murah untuk dicapai (Ali et al., 2011).

Aspek Analisis dan Penilaian: Tahap Adaptasi Teknologi menggunakan Media Sosial dan Keupayaan Menganalisis serta Menilai Sumber Berita

Aspek analisis dan penilaian dianggap kemahiran literasi media yang utama. Ini kerana matlamat utama literasi media adalah untuk mengukur penggunaan media dan keupayaan untuk menganalisis maklumat di media (Eristi & Erdem, 2017). Selepas mengakses kandungan media, satu set kompetensi iaitu analisis dan penilaian diperlukan. Kompetensi ini termasuk keupayaan menganalisis sumber maklumat dan menilai sumber maklumat daripada pelbagai sumber (Lewis, & Jhally 1998).

Golongan muda merupakan kumpulan yang signifikan dikaitkan dengan media sosial kerana adaptasi teknologi yang lebih pantas berbanding golongan dewasa dan minat mengeksplorasi aplikasi teknologi secara langsung meningkatkan akses kepada maklumat dan seterusnya mendorong kepada aspek analisis dan penilaian sumber (Lee 2005). Selain dorongan usia, tahap pendidikan golongan muda menjadi indikator terhadap keupayaan menganalisis dan menilai sumber maklumat bagi memperolehi informasi yang tepat serta sahih.

Di samping itu, adaptasi teknologi golongan muda turut signifikan terhadap aspek analisis dan penilaian kerana elemen media sosial yang menawarkan aplikasi interaksi yang interaktif (Hafez, 2016), capaian maklumat lebih mudah berbanding media tradisional seperti televisyen, radio dan suratkhabar (Ali et al., 2011), proses analisis dan penilaian lebih pantas kerana data serta maklumat lebih mudah diperolehi melalui fungsi Enjin Carian (*Search Engine*) dan hal ini secara langsung meningkatkan kecenderungan politik golongan muda.

Justifikasi ini turut disokong oleh Maamari dan Zein (2013) dalam kajiannya ke atas golongan muda di Lebanon mendapati apabila tahap tinggi adaptasi teknologi terutama media sosial, ianya meningkatkan kecenderungan politik golongan muda. Ini kerana media sosial menawarkan platform komunikasi baharu yang lebih strategik seperti memberikan interaksi menerima reaksi segera (Kumar, & Thapa 2014), penyebaran maklumat lebih luas dan pantas (Anom, Kee & Zawawi 2014; Plotkowiak 2014), aliran maklumat terkini, mudah dan murah untuk dicapai (Ali et al., 2011).

Justeru itu, sumbangan aspek analisis dan penilaian maklumat politik bergantung kepada tahap adaptasi teknologi media sosial yang membawa kepada keupayaan meneroka aplikasi media sosial bagi menganalisis dan menilai kepelbagaian sumber maklumat politik. Adaptasi ini membolehkan proses menganalisis dan menilai sumber maklumat politik lebih efisien berbanding keupayaan mengakses.

Aspek Analisis dan Penilaian: Perbandingan Sumber Maklumat Politik di Media Sosial

Aspek analisis dan penilaian memberi penekanan bahawa kemahiran membandingkan maklumat politik di media sosial memberi kesan kepada tahap literasi media golongan muda (Ojebuyi & Salawu, 2015). Dalam era ledakan teknologi dan limpahan maklumat, golongan muda yang mempunyai tahap kecenderungan politik yang tinggi lebih berminat untuk mempunyai pengetahuan politik yang tinggi (Wolfsfeld, Yarchi, & Samuel-Azran, 2015).

Hal ini dikenali sebagai *political information repertoires*; kepelbagaian sumber maklumat yang digunakan oleh golongan muda untuk mengetahui maklumat politik (Taneja, Webster, Malthouse, & Ksiazek, 2012). Tahap pengetahuan politik yang tinggi ini dicapai melalui analisis dan penilaian sumber berita daripada pelbagai sumber terutama di media sosial, di mana pendedahan kepada analisis maklumat politik provokatif secara langsung mengurangkan tahap integriti penyertaan politik golongan muda di media sosial (Min, 2004; Pinkleton & Austin, 2002).

Kajian terhadap media sosial dan penyertaan politik melaporkan wujud hubungan signifikan media sosial ini dengan maklumat politik carian oleh golongan muda (Yang & DeHart, 2016; Conroy, Feezell & Guerrero, 2012). Ini kerana maklumat politik di media sosial diperolehi daripada interaksi dengan rakan-rakan dan netizen yang lain dan melalui proses muat naik serta muat turun maklumat politik daripada akaun pengguna media sosial yang lain. Proses interaksi ini melibatkan perkongsian idea, maklumat dan pendapat yang berkualiti serta tepat, mendorong golongan muda untuk menggunakan media sosial (Edgerly, Thorson, Bighash, & Hannah, 2016).

Correa, Hinsley & Zúñiga (2010) menekankan bahawa semakin tinggi kuantiti dan kualiti maklumat, semakin tinggi individu menyertai politik secara atas talian. Begitu juga dengan Abdu, Mohamad & Muda (2017) berpendapat golongan muda akan menyertai politik disebabkan atas dorongan kualiti maklumat dan keperluan maklumat politik mereka yang diperolehi di media sosial berbanding media lain. Hal ini membolehkan peningkatan perkongsian maklumat berlaku memandangkan keinginan mengetahui dan mendapatkan maklumat politik tepat.

Idea ini disokong oleh Abdu et al. (2017) dalam kajiannya terhadap penggunaan media sosial, kualiti maklumat politik di media sosial dan kecenderungan politik dalam mempengaruhi penyertaan politik golongan muda mendapati aspek utama penyertaan politik; 1) Penggunaan media sosial, 2) Kualiti maklumat politik dan 3) Kecenderungan politik golongan muda. Ini membuktikan perbandingan sumber maklumat di media sosial secara langsung memberi kesan kepada tahap penyertaan politik.

Nilai integriti dicapai melalui kualiti maklumat politik yang dibandingkan (Wolfsfeld et al., 2015), di mana maklumat politik bersifat positif memberi impak kepada aktiviti sivik dalam masyarakat (Trenz, 2014), memperkasakan amalan demokrasi negara (Chang 2017) dan kepercayaan terhadap sistem politik (Kee, 2009), di mana nilai kepercayaan ini merujuk kepada (1) integriti dan kecekapan sistem kepimpinan, (2) kecekapan dan nilai moral dalam menghadapi tekanan politik, dan (3) memberi keutamaan kepada tindakan responsif kepada rakyat (Carlin, 2014).

Namun, kajian terdahulu turut melaporkan maklumat politik terutama berita semasa di media sosial mempunyai tahap tinggi maklumat politik provokatif berbanding media konvensional (TV, Radio dan Suratkhabar) kerana maklumat politik di media sosial tidak disunting sebagai bacaan umum, maka ia mengandungi maklumat provokasi, fitnah dan isu sensasi politik yang tidak dilaporkan dikebanyakkan media konvensional (Mohd Sufiean, Siti Nurshahidah, Zuliani, & Mohd Hanapi, 2013). Justeru itu, amat penting bagi pengguna media sosial terutama golongan muda untuk memahami aspek analisis dan penilaian dalam proses perbandingan sumber maklumat politik di media sosial sebelum maklumat itu digunakan atau disebarluaskan.

Aspek Analisis dan Penilaian: Integriti Kandungan Maklumat Politik di Media Sosial

Bagi menilai integriti penyertaan politik golongan muda, kemahiran menganalisis dan menilai kandungan maklumat politik di media sosial adalah asas pengukuran (Toepfl, 2014). Ini kerana pendedahan kepada maklumat politik memberi kesan positif dan negatif terhadap penyertaan politik kepada golongan muda.

Idea ini disokong oleh Bakker, & Vreese (2011) dalam kajiannya ke atas golongan muda di Belanda mengenai kesan penggunaan berita di media terutama di media sosial, melaporkan pendedahan tinggi kepada berita pilihanraya dan isu politik secara langsung meningkatkan tahap keinginan menyertai aktiviti politik di kalangan golongan muda. Ini kerana berita atas talian membuka platform diskusi dan perkongsian idea bersama netizen yang mempunyai kecenderungan politik tinggi.

Namun menurut Dahlgren (2013) pendedahan kepada berita provokatif yang didedahkan oleh media terutama di media sosial membawa impak negatif kepada kecenderungan politik golongan muda di mana pendedahan kepada berita skandal politik, kontroversi dan isu sensasi politik membawa kepada tahap penyertaan politik yang rendah.

Idea ini turut disokong oleh Pinkleton dan Austin (2002) melalui kajiannya terhadap penggunaan media, kualiti laporan berita di media dan penyertaan politik mendapat pelaporan media mempunyai hubungan signifikan dengan penyertaan politik, di mana pelaporan pendedahan kepada berita politik berunsur provokatif terutama di media sosial mampu meningkatkan tahap ketidakpuasan hati kepada kerajaan (Yamamoto & Kushin, 2014).

Penggunaan media sosial sebagai platform pencarian maklumat politik secara langsung meningkatkan kesedaran agensi berita dan ahli politik bahawa pendedahan kepada berita politik provokatif memberi kesan negatif terhadap integriti penyertaan politik golongan muda (Ashley & Maksl, 2017). Berbanding berita skandal, kontroversi dan sensasi politik, ahli politik sewajarnya membicarakan serta menangani isu sosial tempatan (Martin, 2008). Provokasi terhadap parti politik mewujudkan sentimen politik sinikal yang bukan sahaja merendahkan tahap integriti tetapi turut memberi kesan kepada tahap penyertaan politik golongan muda (Pinkleton, Austin, Zhou, Willoughby, & Reiser, 2012).

Pengguna media sosial sememangnya mudah mendapat maklumat melalui media sosial (Möller, De Vreese, Esser, & Kunz, 2014). Perkongsian maklumat politik bersama rakan-rakan netizen, memuat naik dan memuat turun maklumat politik di media sosial meningkatkan keinginan golongan muda menyertai politik (Yamamoto, Kushin, & Dalisay, 2013).

Selain itu, aplikasi media sosial (*like, post, comment, share*) meningkatkan lagi perolehan sumber maklumat politik di media sosial, di mana sumber ini tidak tertumpu kepada agensi berita online, laman sesawang dan blog, posting dan komen atas talian melalui media sosial seperti Facebook dan Twitter (Yang & DeHart, 2016) serta membuka platform perbincangan dan membuka ruang penglibatan kumpulan forum politik (Conroy et al., 2012). Kumpulan forum politik di media sosial ini bukan sahaja membuka ruang diskusi, malah turut mampu merancang kepada aktiviti politik konvensional seperti perhimpunan politik, reformasi dan demonstrasi politik (Abdu et al., 2017).

Kajian Integriti Penyertaan Politik Golongan Muda melaporkan bahawa wujud hubungan signifikan antara aspek analisis dan penilaian dengan tahap integriti penyertaan politik. Dapatkan ini memberi indikator jelas responden yang terdiri daripada mahasiswa universiti awam dan swasta mempunyai kemahiran analisis dan penilaian sumber maklumat politik di media sosial. Bagi mengukur kemahiran analisis dan penilaian ini, keupayaan membandingkan maklumat politik di media sosial diukur (Lewis & Jhally, 1998). Perbandingan sumber maklumat politik ini adalah berpandukan ciri-ciri nilai maklumat berintegriti seperti tiada kandungan palsu, provokasi, maklumat salah dan objektif kandungan berunsur tular (viral) dengan niat untuk menjadi popular di media sosial. Selain sumber yang sah, golongan muda perlu mempunyai kemahiran menganalisis dan menilai keshahihan maklumat politik di media sosial sebelum menyebarkan atau menggunakan maklumat tersebut.

Aspek Analisis dan Penilaian: Penggunaan Sumber dan Kesahihan Maklumat Politik di Media Sosial

Kajian literasi media ke atas aspek analisis dan penilaian melalui penggunaan sumber maklumat di media sosial berpendapat golongan muda yang menggunakan media sosial sebagai sumber maklumat politik cenderung klik butang *comment, like, share* dan *tweet* di media sosial untuk berkongsi maklumat berkenaan dengan netizen yang lain (Marwick, & Boyd 2014).

Selain menggunakan media sosial sebagai platform mencari sumber maklumat, golongan muda yang mempunyai kecenderungan politik yang tinggi berminat untuk berbincang tentang isu politik dengan netizen dengan klik butang *post* di media sosial (Edgerly et al., 2016). Ini bermakna golongan muda yang menggunakan media sosial untuk mencari maklumat politik cenderung menggunakan sumber politik untuk dikongsikan dengan netizen yang lain (Kalogeropoulos, Negredo, Picone, & Nielsen, 2017).

Kecenderungan menggunakan maklumat politik di media sosial untuk dikongsikan dengan netizen yang lain berdasarkan beberapa motif. Menurut Kümpel, Karnowski, & Keyling (2015) motif berkongsi maklumat politik terbahagi kepada tiga (3), iaitu 1) Keinginan ekspresi pendapat, 2) keinginan berkongsi maklumat politik dengan pengguna yang lain dan 3) keinginan mewujudkan interaksi sosial secara atas talian. Di antara motif ini, keinginan mewujudkan interaksi sosial atas talian dilaporkan lebih dominan kerana motif utama menggunakan media sosial adalah untuk berhubung dan berinteraksi dengan netizen, di samping keinginan berkongsi maklumat politik (Kumar, & Thapa 2014).

Media sosial menawarkan platform komunikasi tanpa batasan, di mana-mana sahaja di dunia, sesiapa sahaja yang berkongsi kecenderungan politik di seluruh sempadan sistem politik global merentasi kepelbagaiannya geografi (Iskander, 2011). Media baharu ini dilaporkan telah mengubah cara komunikasi masyarakat global; interaksi atas talian lebih pantas memperolehi maklum balas (Al-Kandari & Hasanen, 2012), interaksi yang membenarkan pengguna media sosial untuk memberi pendapat, idea, mengkritik dan membincangkan isu-isu sosial dan politik dengan lebih telus serta terbuka (Valenzuela, 2013).

Perubahan sfera kaedah komunikasi ini dilaporkan mencetus fenomena memperolehi jumlah pengikut (*follower*) dan pembaca tertinggi atau fenomena tular (*viral*). Fenomena ini mencetus pelbagai isu integriti golongan muda seperti yang dilaporkan oleh Berger, & Milkman (2012) dalam kajian tentang bagaimana kandungan iklan, video dan berita atas talian menjadi tular (*viral*). Dapatan kajian ini menunjukkan wujud hubungan signifikan antara elemen tular dengan kandungan maklumat bersifat provokatif seperti provokasi, fitnah dan sensasi berbanding maklumat rencana atau pelaporan formal sesuatu berita.

Kandungan ini menjadi tular berkait rapat dengan suntikan emosi yang dirangsang oleh kandungan viral seperti emosi marah, dendam, bimbang dan takut (Nisbet & Myers, 2011; Sheedy, 2011). Di samping itu, maklumat di media sosial terutama laporan berita menjadi tular disebabkan oleh pelaporan yang ringkas berbanding terperinci (media konvesional), berita yang dilaporkan bersifat sensasi, iaitu *news people need to know* berbanding *news they want to know* dan pelaporan berita teras (*hard news*) menggunakan pendekatan berita anjal (*soft news*) ini bagi memastikan maklumat ini lebih mudah diterima secara emosi berbanding teknikal (Picone, Wolf & Robijt 2016).

Fenomena tular secara langsung membawa kesan negatif dijangka mampu diatasi dengan keupayaan dan kemahiran golongan muda dan menggunakan maklumat politik sahih serta faham akan kesan penggunaan maklumat politik yang tidak berintegriti. Perkongsian dan penggunaan maklumat politik bersifat provokasi secara langsung menyuntik kebangkitan tindakan agresif (Al-kandari & Hasanen, 2012), protes (Valenzuela, 2012), demonstrasi menentang sistem dan kepimpinan politik (Zhang, & Lin 2014) dan rusuhan (Ali & Suhana, 2015). Justeru itu, kesahihan maklumat politik perlu di analisis dan dinilai sebelum ianya digunakan serta dikongsikan kepada netizen yang lain. Aspek ini jelas membuktikan nilai integriti penyertaan politik golongan muda.

KESIMPULAN

Sejarah penyertaan politik golongan muda di Malaysia membuktikan penglibatan golongan ini mampu mengubah sfera politik nasional. Namun, di suatu tahap turut dilaporkan golongan muda mempunyai tahap rendah kecenderungan politik, rendah penyertaan politik dan ia dilaporkan sebagai satu fenomena yang menuntut kajian dan perbincangan umum. Bermula pada PRU-13 penyertaan politik golongan muda dilaporkan mencetus gelombang tsunami kepada sfera politik negara. Inovasi media sosial dilaporkan pencetus kesedaran, kecenderungan dan minat menyertai politik golongan muda. Berbanding media konvensional seperti televisyen, radio dan suratkhabar, media sosial menawarkan aplikasi interaktif, agen pencarian maklumat pantas dan komunikasi efektif. Kemunculan laman rangkaian media sosial telah mewujudkan paradigma gelombang baru dalam masyarakat terutama golongan muda untuk melibatkan diri dalam aktiviti politik atas talian. Namun, kesan pendedahan kandungan media ini membawa kepada perdebatan perlunya literasi media terutama aspek analisis dan penilaian. Idea utama perspektif literasi media ini adalah sebagai garis panduan kepada pengguna media terutama golongan muda menggunakan media dengan asas nilai integriti. Kemahiran aspek analisis dan penilaian menuntut pengguna agar mempunyai pemikiran kritis; amalan komposisi mesej dan kreativiti; keupayaan untuk menyertai politik secara berintegriti di media sosial. Apabila seseorang mempunyai kompetensi literasi digital dan media, mereka mengiktiraf hak peribadi orang lain, agenda korporat, budaya dan politik serta menggunakan hak bersuara mereka mengikut landasan nilai integriti. Selain itu, golongan muda yang bermoral mempunyai tahap tinggi keupayaan menilai sumber dan kandungan politik yang berintegriti; tidak palsu, tiada unsur provokasi dan tular. Keupayaan dan pemahaman golongan muda memahami aspek analisis dan penilaian merupakan kemahiran literasi media penting kerana melalui media selain sebagai pengguna, golongan muda mampu bertindak sebagai *produser* kepada kandungan media di media sosial.

RUJUKAN

- Abdu, S. D., Bahtiar, M., & Suhaini, M. (2017). Youth Online Political Participation: The Role of Facebook Use, Interactivity, Quality Information and Political Interest. *SHS Web Of Conferences*, 33, 00080.
- Ali, S., Faridah, I., Mohd Yusof, H. A., Normah, M., & Maizatul Haizan, M. (2011). The Impact of New Media on Traditional Mainstream Mass Media. *Innovation Journal*, 16(3), 2–11.
- Ali, S., & Mohd Safar, H. (2011). New Media and Democracy : The Changing Political Landscape in Malaysia. *Akademika*, 81(1), 15–21.
- Ali, S., & Suhana, S. (2015). Online Political Participation: A Study of Youth Usage of New Media. *Mediterranean Journal Of Social Sciences*, 6(4).
- Al-Kandari, A., & Hasanen, M. (2012). The Impact of The Internet on Political Attitudes in Kuwait and Egypt. *Telematics And Informatics*, 29(3), 245–253.
- Aminaton Hajariah, H., & Samsu Adabi, M. (2016). *The Role of Cyber Trooper in Malaysian Politics 2008 – 2014* (Vol. 2016).
- Anom, E., Kee, C. P., & Zawawi, J. W. M. (2014). Political Discourse in Indonesia and Malaysia for National Human Security: A Case Study of Lahad Datu. *Jurnal Komunikasi*, 30(2), 183–200.
- Arke, E., & Primack, B. A. (2009). Quantifying Media Literacy : Development, Reliability and Validity of a New Measure. *Journal Educational Media International*, 46 (1), 53-65.
- Arsenijević, J., & Andevski, M. (2016). New Media Literacy Within The Context of Socio-Demographic Characteristics. *Procedia Technology*, 22, 1142–1151.
- Ashley, S., & Maksl, A. (2017). News Media Literacy and Political Engagement: What's The Connection? *Journal of Media Literacy Education*, 9(1), 79–98.
- Aufderheide, P. (1993). *Media Literacy: A Report of The National Leadership Conference on Media Literacy. Media Literacy In The Information Age Current Perspectives* (Vol. 6). Retrieved From <http://www.eric.ed.gov/ericwebportal/search/detailmini.jsp>
- Bakker, E. (2007). Integrity and Cynicism: Possibilities and Constraints of Moral Communication. *Journal of Agricultural And Environmental Ethics*, 20(1), 119–136.
- Bakker, T. P., & Vreese, C. H. (2011). Good News For The Future? Young People, Internet Use, and Political Participation. *Communication Research*, 38(4), 451–470.
- Berger, J., & Milkman, K. L. (2012). What Makes Online Content Viral? *Journal of Marketing Research*, 49(2), 192–205.
- Carlin, R. E. (2014). What's Not To Trust? Rubrics of Political Party Trustworthiness in Chile and Argentina. *Party Politics*, 20(1), 63–77.
- Chang, W.-C. (2017). Media Use, Democratic Values, and Political Participation: Empirical Evidence from Taiwan. *Japanese Journal Of Political Science*, 18(03), 385–406.
- Cheung, C. K., & Xu, W. (2016). Promoting media literacy education in China: a case study of a primary school, *International Journal of Adolescence and Youth*, 21(2), 215-217.
- Coleman, S., Morrison, D. E., & Svennevig, M. (2008). New Media and Political Efficacy. *International Journal of Communication*, 2, 771–791.
- Conroy, M., Feezell, J. T., & Guerrero, M. (2012). Facebook And Political Engagement: A Study Of Online Political Group Membership And Offline Political Engagement. *Computers In Human Behavior*, 28(5), 1535–1546.
- Correa, T., Hinsley, A. W., & De Zúñiga, H. G. (2010). Who Interacts on The Web?: The Intersection of Users' Personality and Social Media Use. *Computers In Human Behavior*, 26(2), 247–253.
- Dauda, S., Mohamad, B., & Muda, S. (2016). New Perspectives to Political Participation Among Youth: The Impact of Facebook Usage. ISSC 2016: International Soft Science Conference
- Demetriou, K. N. (2013). Democracy In Transition: Political Participation In The European Union. *Democracy In Transition: Political Participation In The European Union*, 1–289.
- Dimitrova, D. V., Shehata, A., Strömbäck, J., & Nord, L. W. (2014). The Effects Of Digital Media On Political Knowledge And Participation In Election Campaigns: Evidence From Panel Data. *Communication Research*, 41(1), 95–118.

- Edgerly, S., Thorson, K., Bighash, L., & Hannah, M. (2016). Posting About Politics: Media as Resources for Political Expression on Facebook. *Journal of Information Technology and Politics*, 13(2), 108–125.
- Effing, R., Hillegersberg, J., & Huibers, T. (2011). Social Media and Political Participation: Are Facebook, Twitter and Youtube Democratizing Our Political Systems? In *Electronic Participation*, 25–35).
- Eristi, B., & Erdem, C. (2017). Development of A Media Literacy Skills Scale. *Contemporary Educational Technology*, 8(3), 249–267.
- Fenton, N. (2011). Alternative Media and Social Networking Sites: The Politics of Individuation and Political Participation. *The Communication Review*, 14(3), 179–196.
- Hairol Anuar, H. M. D., & Zakaria, S. (2016). Penekanan Nilai Dalam Konteks Pemilihan Kepimpinan. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 2(1), 2(1), 51–58.
- Hairol Anuar, H. M. D., Zakaria, S., Ahmad Munawar, I., & Shamsul Azhar, Y. (2013). Pendekatan Nilai Dalam Memilih Kepimpinan Politik : Kajian Tinjauan Dalam Kalangan Kelas. *Jurnal Hadhari*, 6(2), 71–84.
- Hobbs, R. (2003). Measuring The Acquisition of Media-Literacy Skills. *Reading Research Quarterly*, 38(3), 330–355.
- Hobbs, R. (2010a). *Digital And Media Literacy: A Plan of Action*. Retrieved From http://www.knightcomm.org/wpcontent/uploads/2010/12/digital_and_media_literacy_a_plan_of_actin.pdf
- Holt, K., Shehata, A., Strömbäck, J., & Ljungberg, E. (2013). Age and The Effects of News Media Attention and Social Media Use on Political Interest And Participation: Do Social Media Function As Leveller? *European Journal Of Communication*, 28(1), 19–34.
- Iskander, E. (2011). The Arab Spring| Connecting The National and The Virtual: Can Social Media Have a Role in Institution-Building After Egypt's January 25 Uprising? *International Journal Of Communication*, 5(1), 1225–1237.
- Joko, E. P., Othman, Z., & Damit, S. A. (2016). Belia dan Kelangsungan Hegemoni Barisan Nasional: Kajian Kes Pilihan Raya Umum 13 Di Sabah. *Jurnal Komunikasi Borneo Edisi Khas*, 1–18.
- Kaid, L. L., McKinney, M. S., & Tedesco, J. C. (2007). Introduction: Political Information Efficacy and Young Voters. *American Behavioral Scientist*, 50, 1093–1111.
- Kalogeropoulos, A., Negredo, S., Picone, I., & Nielsen, R. K. (2017). Who Shares and Comments on News?: A Cross-National Comparative Analysis of Online and Social Media Participation. *Social Media And Society*, 3(4).
- Sebastián Valenzuela, Namsu Park & Kerk F. Kee (2009). Is There Social Capital in a Social Network Site?: Facebook Use and College Students' Life Satisfaction, Trust, and Participation, 14 (4), 875–901.
- Kumar, R., & Thapa, D. (2014). Social Media As a Catalyst for Civil Society Movements in India: A Study in Dehradun City. *New Media & Society*, 17(8) 1299-1316
- Kümpel, A. S., Karnowski, V., & Keyling, T. (2015). News Sharing in Social Media: A Review Of Current Research On News Sharing Users, Content, And Networks. *Social Media Society*, 1(2), 1-14.
- Lee, L. (2005). Young People and The Internet. *Young*, 13(4), 315–326.
- Lewis, J., & Jhally, S. (1998). The Struggle Over Media Literacy. *Journal of Communication*, 48(1), 109–120.
- Literat, I. (2014). Measuring New Media Literacies: Towards The Development of a Comprehensive Assessment Tool. *Journal of Media Literacy Education*, 6(1), 15–27.
- Maamari, B. E., & Zein, H. E. (2014). The Impact of Social Media on The Political Interests of The Youth In Lebanon At The Wake of The Arab Spring. *Social Science Computer Review*, 32(4), 496–505.
- Martin, P. S. (2008). The Mass Media as Sentinel: Why Bad News About Issues is Good News for Participation. *Political Communication*, 25(2), 180–193.
- Marwick, A. E., & Boyd, D. (2011). I Tweet Honestly, I Tweet Passionately: Twitter Users, Context Collapse, and The Imagined Audience. *New Media And Society*, 13(1), 114–133.

- Marwick, A. E., & Boyd, D. (2014). Networked Privacy: How Teenagers Negotiate Context in Social Media. *New Media & Society*, 16(7), 1051–1067.
- Milner, H. (2007). The Political Knowledge and Political Participation of Young Canadians and Americans Americans. The Working Paper Series at The American University of Paris.
- Min, Y. (2004). News Coverage of Negative Political Campaigns : An Experiment of Negative Campaign Effects on Turnout and Candidate Preference. *Harvard International Journal of Press Politics*, 95–111.
- Mohamad, B. (2018). Youth Offline Political Participation: Trends and Role of Social Media. *Jurnal Komunikasi*, 34(3), 192–207.
- Mohd Faizal, K., Rosidayu, S., & Noor Adzrah, R. (2014). Who Is Tweeting on #PRU13? *Asian Social Science*, 10(18), 144–157.
- Mohd Sufiean, H., Siti Nurshahidah, S. A., Zuliani, M. A., & Mohd Hanapi, K. (2013). Social Media and Political Participation among Young People. *Jurnal Sains Sosial*, 1(1), 95–114.
- Möller, J., De Vreese, C. H., Esser, F., & Kunz, R. (2014). Pathway to Political Participation: The Influence of Online and Offline News Media on Internal Efficacy and Turnout of First-Time Voters. *American Behavioral Scientist*, 58(5).
- Nisbet, E. C., & Myers, T. A. (2011). Anti-American Sentiment as a Media Effect? Arab Media, Political Identity, And Public Opinion in The Middle East. *Communication Research*, 38, 684–709.
- Norhayati, M. S. (2008). Pilihan Raya Umum Ke-12 (Pru-12): “Tsunami” Politik Melayu ? *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 35(April), 49–64.
- Ojebuyi, B. R., & Salawu, A. (2015). Media Literacy, Access and Political Participation Among South African Black Youth : A Study of North-West University, Mafikeng Campus. *Journal of Communication*, 6(1), 207–218.
- Omelicheva, M. Y., & Ahmed, R. (2017). Religion and Politics: Examining The Impact of Faith on Political Participation. *Religion, State And Society*, 00(00), 1–22.
- Pakeer Mohamed, A. Shah., Haji Sulaiman S. H., Othman M. Fuad., Che Jumaat Y., Mohd Ashraf & Haron, H. (2011). Patriotism Dilemma Among Malaysian Youth: Between Strategy and Reality. *International Journal Of Business And Social Science*, 2(16), 219–227.
- Pandian, S. (2014). University Students and Voting Behavior In General Elections: Perceptions on Malaysian Political Parties Leadership. *Asian Social Science*, 10(18), 225–231.
- Pathak-Shelat, M. (2014). Media Literacy And Well-Being of Young People. In *Handbook of Child Well-Being* (Pp. 2057–2092.). Springer, Dordrecht Netherlands.
- Picone, I., De Wolf, R., & Robijt, S. (2016). Who Shares What With Whom and Why?: News Sharing Profiles Amongst Flemish News Users. *Digital Journalism*, 4(7), 921–932.
- Pinkleton, B. E., & Austin, E. W. (2002). Exploring Relationships Among Media Use Frequency, Perceived Media Importance, And Media Satisfaction In Political Disaffection And Efficac. *Mass Communication And Society*, 5(2), 207–228.
- Pinkleton, B. E., Austin, E. W., Zhou, Y., Willoughby, J. F., & Reiser, M. (2012). Perceptions of News Media, External Efficacy, and Public Affairs Apathy In Political Decision Making and Disaffection. *Journalism and Mass Communication Quarterly*, 89(1), 23–39.
- Plotkowiak, T. (2014). *The Influence of Social Capital on Information Diffusion In Twitter’s Interest-Based Social Networks*. University of St.Gallen.
- Roy, S. (2016). Significance of Media Education In India. *International Journal of E-Government & E-Business Research*, 2(1), 58–71.
- Sheedy, C. S. (2011). Social Media For Social Change: A Case Study of Social Media Use In The 2011 Egyptian Revolution. *Capstone Project*, 28(4), 1–58.
- Stockemer, D. (2012). Students’ Political Engagement: A Comprehensive Study of University of Ottawa Undergraduate Students. *Journal of Youth Studies*, 15(8), 1028–1047.
- Sudin, M. N. (2017). Berulangkah “Tsunami” Politik Bandar? Retrieved September 5, 2017, From <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/berulangkah-8216-tsunami-8217-politik-bandar>
- Taneja, H., Webster, J. G., Malthouse, E. C., & Ksiazek, T. B. (2012). Media Consumption Across Platforms: Identifying User-Defined Repertoires. *New Media And Society*, 14(6), 951–968.

Perspektif Literasi Media Aspek Analisis Dan Penilaian: Amalan Integriti Penyertaan Politik Golongan Muda Di Media Sosial

Mohd Sufiean Hassan, Siti Nurshahidah Sah Allam, Muhamad Hanapi Khamis, Mohd Hilmi Bakar, Dzaa Imma Abdul Latiff & Abdul Rauf Hj. Ridzuan

- Tang, G., & Lee, F. L. F. (2013). Facebook Use And Political Participation: The Impact of Exposure To Shared Political Information, Connections With Public Political Actors, And Network Structural Heterogeneity. *Social Science Computer Review*, 31, 763–773.
- Tedesco, J. C. (2011). Political Information Efficacy and Internet Effects In The 2008 U.S. Presidential Election. *American Behavioral Scientist*, 55(6), 696–713.
- Toepfl, F. (2014). Four Facets Of Critical News Literacy In A Non-Democratic Regime: How Young Russians Navigate Their News. *European Journal of Communication*, 29(1), 68–82.
- Trenz, H.-J. & C. G. (2014). Civic Engagement Through Mainstream Online Newspapers : Potential And Shortcomings Civic Engagement Through Mainstream Online Newspapers : Possibilities And Shortcomings Cecilie Givskov and Hans-Jörg Trenz. *Journal of Media And Communication Research*, 44–60.
- Valenzuela, S. (2012). Protesting In The Age of Social Media: Information, Opinion Expression And Activism In Online Networks. *Latin American Public Opinion Congress, World Association For Public Opinion Research (WAPOR)*, (July), 1–38.
- Valenzuela, S. (2013). Unpacking The Use Of Social Media For Protest Behavior: The Roles of Information, Opinion Expression, And Activism. *American Behavioral Scientist*, 57(7), 920–942.
- Wan Hashim, W. T. (2017). Fasa Pertama Perjuangan UMNO Penuh Berani. Retrieved January 1, 2017, From <Http://Www.Utusan.Com.My/Rencana/Utama/Fasa-Pertama-Perjuangan-Umno-Penuh-Berani>
- Wolfsfeld, G., Yarchi, M., & Samuel-Azran, T. (2015). Political Information Repertoires And Political Participation. *New Media & Society*, 18(9), 2096-2115
- Yamamoto, M., & Kushin, M. J. (2014). More Harm Than Good? Online Media Use and Political Disaffection Among College Students In The 2008 Election. *Journal of Computer-Mediated Communication*, 19(3), 430-445.
- Yamamoto, M., Kushin, M. J., & Dalisay, F. (2013). Social Media and Mobiles as Political Mobilization Forces For Young Adults: Examining The Moderating Role of Online Political Expression In Political Participation. *New Media & Society*, 1–19.
- Yang, H. "Chris," & Dehart, J. L. (2016). Social Media Use and Online Political Participation Among College Students During The US Election 2012. *Social Media Society*, 2(1)
- Young, J. A., & Marcos, S. (2016). Assessing New Media Literacies In Social Work Education : The Journal of Technology In Human Services Assessing New Media Literacies In Social Work Education : The Development And Validation of A Comprehensive Assessment Instrument, (February 2015).
- Zhang, X., & Lin, W.-Y. (2014). Political Participation In An Unlikely Place: How Individuals Engage In Politics Through Social Networking Sites In China. *International Journal of Communication*, 8(1), 22.